

EKSTRA

Dr. Ashok
Zachariah Philip

- Berusia 56 tahun
- Berasal dari Alor Setar, Kedah
- Menjawat jawatan sebagai Presiden Persatuan Perubatan Malaysia sejak Jun 2015
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) dari University of Chittagong, Bangladesh dan MRCP dari Royal College of Physician, Britain
- Berkhidmat dalam sektor swasta di Pusat Perubatan Mahkota, Melaka

Foto AMIN FARIJ HASSAN



KEWUJUDAN cecair vape berperisa ganja yang dijual secara terbuka kepada pengguna merupakan perkembangan yang membimbangkan.
— Gambar hiasan

UJAR Ashok, vape mengandungi bahan kimia seperti nikotin, formaldehyde iaitu agen pencetus kanser kepada manusia dan bahan kimia berbahaya lain.



Vape boleh cetuskan kanser

Cecair vape yang mengandungi bahan kimia berbahaya boleh mendatangkan penyakit berkaitan paru-paru dan memudaratkan kesihatan dalam jangka masa panjang.

PENGGUNAAN rokok elektronik atau vape merupakan antara isu besar yang hangat diperkatakan sehingga menarik perhatian pelbagai pihak termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, masyarakat umum dan pengguna vape itu sendiri.

Tabiat menghisap vape bukan sahaja menjadi trend baru dalam kalangan perokok, malah lebih mengejutkan, ramai pengguna baharu muncul terutama daripada pelajar sekolah dan golongan wanita yang tidak merokok sebelum ini. Namun, apa yang lebih membimbangkan apabila terdapat cecair vape berperisa ganja bercampur dadah yang dijual di pasaran terbuka.

Melihat kepada masalah berkenaan, pelbagai pendekatan yang diambil di peringkat negeri dalam menangani isu vape. Setakat ini, Johor telah mengharamkan sepenuhnya vape, manakala Pahang mengeluarkan fatwa mengharamkannya sementara Perak mengarahkan semua pihak berkuasa di negeri itu berhenti mengeluarkan lesen premis untuk penjual rokok elektronik dan barangan vape. Pada masa sama, Selangor turut mengumumkan tidak ada pembaharuan lesen perniagaan kedai vape di negeri itu.

Memandangkan isu vape ini serius, wartawan **Kosmo! Ahad**, NOR IDAYU BOSRO menemu bual Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Ashok Zachariah Philip di Bangunan MMA, Kuala Lumpur baru-baru ini bagi mendapatkan penjelasan mengenai vape dari sudut kesihatan.

Kosmo! Ahad: Sejauh mana doktor melihat tabiat vape di negara ini memandangkan pelajar sekolah dan wanita yang tidak merokok sebelum ini turut menghisap vape?

ASHOK: Pertama sekali, saya tidak melihat



SEBAHAGIAN pengguna menghisap vape dengan alasan untuk menggantikan tabiat menghisap rokok. - Gambar hiasan

tabiat ini sebagai suatu ketagihan sebaliknya lebih kepada kebergantungan melainkan jika cecair vape itu diletakkan bahan lain seperti morfin dan ganja (dadah). Buat masa ini, tiada kawalan dari segi pengilangan, pengedaran dan penjualan. Dalam situasi ini, sesiapa pun boleh jual, sesiapa pun boleh beli dan ia boleh dipakai di mana-mana sahaja. Pengguna khususnya

generasi muda seperti budak sekolah serta golongan wanita yang tidak merokok mungkin menjadi pengguna baharu vape kerana merasakan tabiat ini sangat *cool*. Mereka beranggapan tindakan itu tidak berbahaya sedangkan ia mungkin memudaratkan kesihatan dalam jangka masa panjang.

Ada sesetengah perokok mendakwa vape dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap rokok sekali gus menjadikan ia satu alternatif terbaik untuk berhenti merokok. Apa komen doktor?

Memang ramai perokok yang tidak merokok lagi selepas menggunakan rokok elektronik atau vape tetapi sebenarnya mereka tidak benar-benar berhenti daripada tabiat itu. Menerusi penggunaan vape, mereka mengurangkan dos sahaja. Ini kerana, kandungan bahan kimia seperti nikotin dalam vape lebih rendah daripada rokok biasa. Selain itu, alasan yang digunakan penghisap vape untuk berhenti merokok tidak relevan kerana hakikatnya ada dalam kalangan mereka menggunakan kedua-dua rokok serta vape dalam kehidupan seharian dan sudah tentu ini tabiat yang lebih buruk.

Terdapat cara lain untuk mengurangkan tabiat merokok seperti klinik berhenti merokok yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan (KKM), pengambilan ubat dan gula-gula getah yang mengandungi nikotin serta penggunaan pelekat nikotin. Jadi, tidak perlu pakai vape tanpa nasihat serta pemerhatian perubatan.

Kosmo
7/2/2016
m/s 21

« **MMA secara jelas mahu kerajaan mengawal pembekalan dan penjualan rokok elektronik kerana penggunaannya dalam jangka masa panjang boleh mendatangkan kesan buruk kepada kesihatan. Pun begitu, tidak banyak bukti-bukti saintifik yang mengatakan ia boleh mendatangkan kesan negatif. Jadi, bagaimana doktor merasakan tindakan ini wajar?**

Memang ada penyelidikan saintifik dibuat mengenai vape dan daripada kajian tersebut ada yang menunjukkan kesan buruk dan saya tidak nafikan ada juga yang menunjukkan kesan baik. Masalahnya, kita khuatir dalam jangka waktu panjang, pengguna berisiko terdedah kepada penyakit serius termasuk kanser. Ini mungkin terjadi selepas tempoh 10 hingga 15 tahun menggunakan vape, bukan dalam masa sebulan dua. Kita tidak boleh buat kesimpulan awal kerana belum ada bukti kukuh yang mengatakan vape benar-benar selamat. Pun begitu, tidak ada pula data saintifik menyokong vape dapat memberi manfaat kesihatan secara signifikan.

Apa bukti (jika ada) yang

tidak bermaksud bahan-bahan ini selamat untuk disedut masuk ke dalam paru-paru.

Jika ia benar-benar memudaratkan kesihatan, apakah masalah atau penyakit yang boleh timbul daripada penggunaan vape dalam jangka masa panjang?

Tisu dalam paru-paru manusia sangat sensitif dan mudah rosak sekiranya terlalu banyak bahan kimia masuk ke dalam organ tersebut. Banyak penyakit yang boleh timbul antaranya penyakit berkaitan paru-paru seperti asma kronik, penyakit paru-paru kronik, fibrosed (paru-paru mengeras) dan paling buruk, kanser paru-paru.

Cecair vape ini juga bermasalah kerana tiada kawalan pengilangan, pengedaran dan penjualan. Ini bermaksud sesiapa sahaja boleh memasukkan apa-apa bahan termasuk dadah seperti ganja, ekstasi dan morfin di dalamnya. Dengan adanya cecair ini, pengguna terutamanya golongan muda boleh bereksperimen dan memasukkan sendiri bahan tersebut di dalam vape.

Selain itu, alat ini sendiri boleh mendatangkan bahaya kerana bateri litium di dalamnya mudah membakar dan meletup. Atas sebab ini, saya hennendat lebih bagus

umumnya undang-undang di negara ini adalah undang-undang lapuk seperti Akta Racun 1952. Buat masa ini, KKM mengguna pakai akta tersebut untuk mengawal cecair yang mengandungi nikotin tetapi bagi cecair yang tidak mengandungi nikotin, KKM tidak mampu berbuat apa-apa. Jadi, saya fikir kita memerlukan akta baharu untuk dikuatkuasakan ke atas rokok elektronik dan vape. Akta baharu itu juga perlu ditulis, bermaksud sekiranya terdapat perubahan atau perkembangan lain, ia ada peraturan (regulations) yang masih boleh dipinda oleh kerajaan. Selain itu, pihak MMA berpendapat, pembuatan, pengedaran dan penjualan cecair vape juga perlu dikenakan cukai dan lesen.

Apakah saranan serta harapan doktor terhadap isu ini?

Saya berpendapat pembekal dan penjual perlu berbincang dengan Kementerian bagi mencapai persetujuan terhadap larangan vape untuk kebaikan semua pihak. Buat orang ramai di luar sana pula, saya menyarankan pada sesiapa yang belum menggunakan vape, lebih baik jangan memulakannya, manakala bagi pengguna, lebih baik berhenti daripada tabiat ini kerana

Saya tidak nafikan secara umumnya undang-undang di negara ini adalah undang-undang lapuk seperti Akta Racun 1952. Buat masa ini, KKM mengguna pakai akta tersebut untuk mengawal cecair yang mengandungi

Apa bukti (jika ada) yang mengatakan rokok elektronik ini boleh memudaratkan kesihatan dalam jangka masa panjang?

Dengan memasukkan bahan-bahan tidak normal ke dalam paru-paru diketahui boleh membawa kesan buruk. Vape mengandungi bahan kimia seperti nikotin, formaldehyde iaitu agen pencetus kanser kepada manusia dan bahan-bahan kimia berbahaya lain.

Saya bagi satu contoh, dalam cabaran kayu manis yang popular di laman sosial. Menerusi cabaran itu, pengguna perlu menelan sesudu serbuk kayu manis tanpa meminum air. Ramai yang tercekik kerana bahan tersebut masuk ke dalam paru-paru. Mereka mendapat masalah paru-paru yang teruk dan terpaksa dimasukkan ke hospital. Ini kayu manis yang sangat semula jadi dan kalau dimakan, ia dapat membantu menurunkan gula dalam darah bagi pesakit kencing manis, tetapi kesannya jadi berbahaya apabila masuk ke dalam paru-paru. Begitu juga dengan cecair jus limau yang mana jika diambil melalui vape, ia boleh menyebabkan paru-paru tersumbat. Mengapa ini berlaku sedangkan jus limau merupakan bahan semula jadi, bukan bahan kimia yang berbahaya.

Jadi, kalau pembekal vape mendakwa cecair ini selamat kerana menggunakan perisa serta pewarna makanan yang sudah mendapat lesen, ia

ini, saya berpendapat lebih bagus jika vape diharamkan atau dikawal seperti rokok.

Pihak MMA menggesa agar pembekalan dan penjualan vape di negara ini dikawal, namun bagaimana mahu dikuatkuasakan jika kebanyakan undang-undang kesihatan di negara ini adalah undang-undang lapuk?

Saya tidak nafikan secara

berhenti daripada tabiat ini kerana ia hanya akan memudaratkan kesihatan dalam jangka masa panjang. Saya percaya ia lebih mudah untuk dilaksanakan kerana konsentrasi nikotin dalam vape lebih rendah berbanding rokok biasa.

mengandungi nikotin tetapi bagi cecair yang tidak mengandungi nikotin, KKM tidak mampu berbuat apa-apa

ASHOK menegaskan pengguna vape berisiko terdedah kepada penyakit serius termasuk kanser.

